

**INSTITUT KAJIAN OKSIDENTAL (IKON)**

**SOCIAL RIGHTS, SOCIAL JUSTICE AND SOCIAL POLICIES  
(Project No: HH-01-2012)**

**PELUANG MENYERTAI “SUMMER SCHOOL” DI LUAR NEGARA**

**(UNTUK PELAJAR TAHUN 3 DAN PELAJAR SARJANA JURUSAN SAINS SOSIAL)**

**Pengenalan**

Institut Kajian Oksidental (IKON) dengan rakan penyelidik dari University of Applied Sciences, Frankfurt Germany, dan Universiti Kabul, Afghanistan telah berjaya memperolehi geran penyelidikan selama tiga tahun (2012-2014). Kerjasama tiga (3) buah university ini membuka peluang kepada pelajar tahun 3 dan pelajar Sarjana jurusan Sains Sosial untuk mengikuti program “Summer School” di Sibhbari, India pada bulan 1-14 Oktober 2012. Dua penyelidik yang terlibat dalam projek ini ialah Prof. Madya Dr. Rashila Ramli (IKON) dan Dr. Kartini Khalid (KITA).

Projek penyelidikan dan pembelajaran yang dibiayai oleh *Deutscher Akademischer Austausch Dienst* (DAAD) atau *German Academic Exchange Service* bertujuan untuk membina kapasiti institusi pendidikan tinggi dalam empat perkara berikut:

- a) Membina kapasiti penyelidik muda untuk menjalankan penyelidikan dengan menggunakan modul pembelajaran dan pengajaran bersama rakan universiti di Germany dan Afghanistan berdasarkan Dublin Descriptor of the European Qualifications Framework.
- b) Melibatkan pemantauan kerja kursus, bahan belajar, dan teknik mengajar di universiti yang terlibat dalam projek ini.
- c) Mewujudkan suasana e-pembelajaran yang kreatif dan berterusan
- d) Mengantarabangsakan penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran

Projek ini telah menjuruskan skop penyelidikan, penulisan dan pengajaran meliputi perkara yang terkandung dalam Artikel 22 hingga Artikel 27, *The Universal Declaration of Human Rights*, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Terdapat lima (5) tema utama yang telah ditetapkan berdasarkan Artikel-artikel tersebut iaitu, keselamatan sosial, pendidikan, pekerjaan, kesihatan dan piawaian hidup, dan kebudayaan dalam hidup.

## Syarat Pemilihan

Bagi pelajar yang berminat mengikuti program “**Summer School**” ini sila penuhi syarat berikut dan hantar CV dan proposal anda ke Institut Kajian Oksidental (IKON) **sebelum atau pada 30 Mei 2012**

- Curriculum Vitae (CV) ringkas beserta gambar ukuran passport (1 muka surat).
- Penulisan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris, (*Times New Roman, font 12, 1.5 spacing*) proposal ringkas (1000-1500 patah perkataan) mengenai tajuk penyelidikan yang menjurus kepada perbincangan mengenai keadilan sosial, hak, dan kesaksamaan atau *social justice, rights and equality* dalam salah satu dari lima (5) tema berikut iaitu:
  - Keselamatan sosial (social security)
  - Pendidikan (education)
  - Pekerjaan (employment)
  - Kesihatan dan piawai hidup (health and living standard)
  - Kebudayaan dalam kehidupan (cultural life)
- Dalam penulisan proposal, calon perlu menyatakan dengan jelas komponen berikut: 1) Permasalahan kajian (isu yang akan dibincangkan), 2) objektif, 3) jenis data primer dan sekunder.
- Calon akan melalui proses temuduga.
- Gemar aktiviti lasak (outdoor activities), mengembara, berdikari dan mempunyai pemikiran yang terbuka.

## Kesimpulan

Keputusan Jawatankuasa Pemilihan adalah muktamad dalam pemilihan 5 peserta sahaja. Bagi pelajar yang terpilih mengikuti program ini, pelajar diminta untuk menggunakan peluang ini untuk menjadikan kertas kerja yang dihasilkan daripada projek “**Summer School**” sebagai sebahagian daripada penyelidikan untuk penulisan tesis sarjana, jika mereka berdaftar di IKON pada Sesi Akademik 2012-2013. Geran ini membiayai sebahagian daripada yuran pengajian pelajar.

Untuk keterangan lanjut mengenai program ini, sila hubungi Cik Najatulmuna Hamdan, di talian 03-89215839 atau Email: IKONHH-01-2012@gmail.com

**MENGILHAMKAN HARAPAN MENCIPTA MASA DEPAN**

***Building BRIDGES- Pursuing PEACE***

***SOCIAL RIGHTS, SOCIAL JUSTICE AND SOCIAL POLICIES***

***(HH-01-2012)***

BORANG PERMOHONAN MENYERTAI “SUMMER SCHOOL”.

**ARAHAN:** SILA ISIKAN MAKLUMAT DALAM RUANG YANG TELAH DISEDIAKAN.

NAMA:
FAKULTI/PROGRAM/INSTITUT:
TAHUN/SESI PENGAJIAN:
NO. MATRIK:
JANTINA: PEREMPUAN <input type="checkbox"/> LELAKI <input type="checkbox"/>
NYATAKAN MOTIVASI ANDA MENYERTAI PROGRAM INI: (state your motivation to join this program)
PENGALAMAN MENYERTAI AKTIVITI LUAR (experiences of outdoor activities)

TULIS ESEI ANTARA 1000-1500 PATAH PERKATAAN. SILA GUNA RUANG YANG DISEDIAKAN.  
(Write an essay 1500-2000 words. Please use the space below).

Nota:

- (1) Skop penulisan esei berkisar mengenai keadilan sosial, hak dan kesaksamaan dalam lima tema berikut:
  - a. Keselamatan sosial
  - b. Pendidikan
  - c. Pekerjaan
  - d. Kesihatan dan piawaian hidup
  - e. Kebudayaan dalam hidup
- (2) Penulisan esei dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Format penulisan menggunakan Times New Roman, font 12, 1.5 spacing)
- (3) Jika perlu, sila guna kertas tambahan.  
Email kepada [IKONHH-01-2012@gmail.com](mailto:IKONHH-01-2012@gmail.com)